



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGAMALAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KALANGAN BELIA PELBAGAI
ETNIK DI SELANGOR, MALAYSIA**

WAN NOR AZILAWANIE TUN ISMAIL

FEM 2014 5



**PENGAMALAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KALANGAN BELIA
PELBAGAI ETNIK DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

WAN NOR AZILAWANIE TUN ISMAIL

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Ogos 2014

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Syukur ke hadrat Ilahi atas pertolongan dan izin-Nya
Khas kepada suami yang menumpahkan sepenuh kasih sayang dan didikan kepada diri
yang serba kekurangan ini.*

*Khas juga kepada kedua-dua ayahanda dan bonda tercinta. Ini hadiah teristimewa dari
anak mu bagi membalas segala pengorbanan kalian selama ini*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGAMALAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KALANGAN BELIA
PELBAGAI ETNIK DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

WAN NOR AZILAWANIE TUN ISMAIL

Ogos, 2014

Pengerusi: Adlina Ab. Halim, PhD
Fakulti: Ekologi Manusia

Nilai-nilai murni ialah elemen terpenting dalam kehidupan manusia yang menentukan sikap, sifat, tingkah laku, pandangan dan perbuatan seseorang individu, dan komunitinya. Nilai-nilai murni merupakan prinsip moral yang diterima dan menjadi asas serta panduan kepada golongan masyarakat khususnya golongan belia sebagai ikatan persefahaman dan asas pegangan hidup bermasyarakat. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk; (i) mengenal pasti tahap pengetahuan dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan belia, (ii) menentukan perbezaan tahap pengetahuan dan pengamalan belia terhadap nilai-nilai murni berdasarkan etnik (Melayu, Cina dan India), (iii) menentukan hubungan antara tahap pengetahuan dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan belia pelbagai etnik, dan (iv) mengenal pasti faktor peramal (keluarga, agama, rakan sebaya, sekolah dan media) yang menyumbang kepada pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan belia pelbagai etnik. Teknik pemilihan responden adalah menggunakan pensampelan mudah. Seramai 400 responden telah terlibat dalam kajian ini. Lokasi kajian adalah di negeri Selangor meliputi empat daerah iaitu Gombak, Klang, Petaling dan Ulu Langat. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif adalah bagi mengukur tahap pengetahuan, tahap pengamalan dan faktor yang mempengaruhi pengamalan terhadap nilai-nilai murni dalam kalangan responden. Manakala pendekatan kualitatif digunakan untuk menyokong hasil dapatan kuantitatif. Bagi kaedah kuantitatif, data telah dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik dan telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Manakala bagi data kualitatif, data yang diperolehi menerusi Perbincangan Kumpulan Berfokus telah ditranskrip dan dianalisis menggunakan kaedah manual oleh pengkaji kerana jumlah sampel yang tidak ramai. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan responden pelbagai etnik terhadap nilai-nilai murni berada pada tahap yang tinggi. Namun, hasil dapatan terhadap tahap pengamalan responden terhadap nilai-nilai murni pula berada pada tahap yang sederhana. Seterusnya, hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan responden terhadap nilai-nilai murni

berdasarkan etnik Melayu, Cina dan India. Etnik Cina didapati lebih mempunyai pengetahuan yang tinggi berbanding etnik Melayu dan seterusnya etnik India. Bagi tahap pengamalan nilai-nilai murni pula, dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan etnik. Hasil analisis turut mendapati terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap pengetahuan dan tahap pengamalan nilai-nilai murni. Manakala, analisis regresi telah dilakukan untuk menentukan faktor peramal yang paling mempengaruhi pengamalan responden terhadap nilai-nilai murni di Selangor. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua faktor signifikan yang boleh dijadikan peramal iaitu keluarga dan rakan sebaya. Dua faktor peramal tersebut mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni. Hasil dapatan yang diperoleh menerusi pendekatan kuantitatif adalah selari dengan dapatan yang diperoleh daripada informan menerusi Perbincangan Kumpulan Berfokus. Kesimpulannya, nilai-nilai murni adalah penting untuk membina keperibadian modal insan yang unggul. Tanpa pengamalan dan penghayatan nilai-nilai tersebut, ilmu pengetahuan dan kefahaman semata-mata tidak akan memberikan kesejahteraan dan manfaat kepada masyarakat dan negara. Justeru, pengamalan dan penghayatan masyarakat terhadap nilai-nilai murni merupakan asas masyarakat bertamadun.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

THE PRACTICE OF VALUES AMONG MULTI ETHNIC YOUTHS IN SELANGOR, MALAYSIA

By

WAN NOR AZILAWANIE TUN ISMAIL

August 2014

Chairman: Adlina Ab. Halim, PhD
Faculty: Human Ecology

Values are the most important element in human life, which determines attitude, character, behaviour, thought and action of an individual and community. Values are generally perceived as moral principles, foundation and guideline to the community, especially to the youths as a bond of understanding and basic principles of life and society. In this regard, this study is conducted to; (i) identify the level of knowledge and practice of values among multi ethnic youths, (ii) determine the different level of knowledge and practice of values among youths based on ethnicity (Malay, Chinese and Indian), (iii) determine the relationship between level of knowledge and practice of values among multi ethnic youths, and (iv) identify predictive factors (family, religion, peers, school and the media) that contribute to the practice of values among multi ethnic youths. A convenience sampling technique is used for selection of respondents. A total number of 400 respondents are involved in this study. The locale of the research is in Selangor, which covers four districts of Gombak, Klang, Petaling and Ulu Langat. This study employs quantitative approaches to indicate the level of knowledge, practice, and factors that influence the practice of values among the respondents. The qualitative approach is also used to support quantitative findings. For quantitative approach, data is collected through questionnaires and it was analysed descriptively and inferentially. For qualitative approach, data was obtained through Focus Group Discussions, which was transcribed and analysed manually by the researcher as the number of sample is small. The research shows that the level of knowledge among multi ethnic youths is at a highest level. Meanwhile, the level of practice among multi ethnic youths is at a moderate level. Furthermore, the findings also shows that there is a significant difference for the level of knowledge between Malay, Chinese and Indian respondents. The Chinese are found to have a higher level of knowledge compared to the Malays and the Indians. In term of the practice of values, the study shows that there is no significant difference based on ethnicity. The study also found that there is a significant

relationship between the level of knowledge and practice. Meanwhile, regression analysis was conducted to determine the predictive factors that influence respondents' practice of values in Selangor. The results showed two significant factors as a predictor which is family and peers that influence the practice of values among respondents. The findings from quantitative data are in line with findings obtained from informants through Focus Group Discussions. In conclusion, values are essential for building human capital. Without a set of values, knowledge and skills are not necessarily beneficial to society and the nation. Thus, the practice and inculcation of values among society are the foundation towards civilized society.



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Syukur atas limpahan nikmatNya dan kekuatan yang dikurniakan, akhirnya selesai sudah tesis yang bertajuk 'Pengamalan Nilai-nilai Murni Dalam Kalangan Belia Pelbagai Etnik di Selangor, Malaysia'.

Sejuta kasih dan setulus penghargaan buat suami tercinta, Omar Shariff Yusof yang tidak jemu menyokong usaha ini dan sedia banyak berkorban serta menjadi teman setia untuk setiap segala kesenangan dan kesusahan yang diharungi. Segala pengorbanannya selama pengajian ini amat-amat dihargai. Setulus penghargaan juga buat ayahanda dan bonda tersayang, Tun Ismail Tun Ahmad dan Noroswita Ismail serta ayahanda dan bonda mentua, Yusof Omar dan Rahimah Mohidin yang sentiasa mendoakan kejayaan anak-anak mereka. Semoga diri ini sentiasa dilapangkan dan diberi kekuatan untuk terus berkorban dan berbakti kepada mereka bagi membalas segala jerih perih dalam membesarkan anak-anak. Tidak dilupa setulus penghargaan buat seluruh adik-beradik dan keluarga yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan di kala diri ini memerlukan. Semoga kalian dipanjatkan dengan kesejahteraan dan kebahagiaan sentiasa.

Jutaan terima kasih dan setulus penghargaan turut diucapkan kepada Dr. Adlina Ab. Halim selaku penyelia dan Dr. Lee Yok Fee serta Puan Zarina selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan teguran berguna dalam melengkapkan tesis ini sebaiknya. Tidak lupa juga kepada pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia yang pernah memberi tunjuk ajar, bantuan dan nasihat bagi memperbaiki tesis ini. Semoga terus diberkati Allah swt atas segala ilmu yang telah dicurahkan. Terima kasih juga diucapkan kepada Universiti Putra Malaysia kerana membiayai sebahagian dapatan data projek yang diperolehi daripada geran RUGS inisiatif 6.

Sekalung penghargaan yang teramat istimewa juga untuk teman-teman Nor Azhani, Fazliana, Ariff, Saadah, Suhaida, Fakhruddin, Marhana, Amni dan lain-lain. Semoga Allah swt membalas kalian dengan sesuatu yang lebih baik atas segala budi yang ditabur kalian. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, warga JPKK dan warga FEM serta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberi bantuan dan kerjasama sepanjang berada di Fakulti ini. Sekalung penghargaan buat semua.

Dengan selesainya tesis ini, tidak bermakna ia menjadi titik akhir dalam menimba ilmu Allah swt yang luas, namun ia merupakan titik bermulanya semangat untuk terus mencari dan menongkah ilmu. Insya Allah, semoga kerja-kerja ini diberkati Allah swt. Wassalam.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Adlina Ab. Halim, PhD
Pensyarah Kanan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia.
(Pengerusi)

Lee Yok Fee, PhD
Pensyarah Kanan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia.
(Ahli)

Zarina Muhammad, Ms
Pensyarah Kanan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia.
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Adlina Ab. Halim

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Lee Yok Fee

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Puan Zarina Muhammad

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.4.1 Objektif Am	8
1.4.2 Objektif Khusus	9
1.5 Hipotesis Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Definisi Istilah	11
1.7.1 Pengetahuan	11
1.7.2 Pengamalan	11
1.7.3 Nilai-nilai Murni	12
1.7.4 Belia	12
1.8 Pengaplikasian Teori	13
1.8.1 Teori Sosialisasi	13
1.8.2 Konsep Ilmu dan Amal	15
1.9 Kerangka Konseptual	16
1.10 Skop Kajian	18
1.11 Kesimpulan	19

2	SOROTAN LITERATUR	20
2.1	Pengenalan	20
2.2	Nilai dan Pengertiannya	20
2.3	Nilai-nilai Murni dan Pembentukan Masyarakat Beradab	22
2.4	Asas Nilai-nilai Murni Menurut Perspektif Agama	25
	2.4.1 Islam	25
	2.4.2 Buddha	26
	2.4.3 Hindu	27
	2.4.4 Kristian	27
2.5	Nilai-nilai Murni yang Mendukung Teras Perpaduan	28
	2.5.1 Nilai Berbudi Bahasa	29
	2.5.2 Nilai Kesederhanaan	30
	2.5.3 Nilai Hormat-menghormati	31
	2.5.4 Nilai Rendah Hati (Tawadhuk')	31
	2.5.5 Nilai Bertimbang Rasa	32
2.6	Cabaran Dalam Membentuk Generasi Belia yang Bertamadun dan Beradab	33
2.7	Faktor yang Mempengaruhi Pengamalan Nilai-nilai Murni	36
	2.7.1 Faktor Dalaman	36
	2.7.2 Faktor Luaran	38
2.8	Kesimpulan	41
3	METODOLOGI	42
3.1	Pengenalan	42
3.2	Proses Kajian	42
3.3	Lokasi Kajian	44
3.4	Reka Bentuk Penyelidikan	44
3.5	Kaedah Pensampelan	45
3.6	Instrumen Kajian	48
	3.6.1 Bahagian A: Pengetahuan Terhadap Nilai-nilai Murni	48
	3.6.2 Bahagian B: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengamalan Terhadap Nilai-nilai Murni	49
	3.6.3 Bahagian C: Pengamalan Terhadap Nilai-nilai Murni	49
	3.6.4 Bahagian D: Latar Belakang Responden	50
	3.6.5 Instrumen Temu Bual Perbincangan Kumpulan Berfokus	50
3.7	Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	51
3.8	Analisa Data	52
3.9	Kesimpulan	53

4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	54
4.1	Pengenalan	54
4.2	Profil Demografi Responden	55
4.3	Pengetahuan Nilai-nilai Murni Dalam Kalangan Responden	58
4.3.1	Taburan Kekekapan dan Min Pengetahuan Responden Terhadap Nilai-nilai Murni	59
4.3.2	Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Nilai-nilai Murni	63
4.4	Pengamalan Nilai-nilai Murni Dalam Kalangan Responden	63
4.4.1	Taburan Kekekapan dan Min Pengamalan Responden Terhadap Nilai-nilai Murni	64
4.4.1.1	Taburan Kekekapan dan Min Pengamalan Responden Terhadap Nilai Hormat-menghormati	64
4.4.1.2	Taburan Kekekapan dan Min Pengamalan Responden Terhadap Nilai Berbudi Bahasa	69
4.4.1.3	Taburan Kekekapan dan Min Pengamalan Responden Terhadap Nilai Bertimbang Rasa	71
4.4.1.4	Taburan Kekekapan dan Min Pengamalan Responden Terhadap Nilai Kesederhanaan	75
4.4.2	Tahap Pengamalan Responden Terhadap Nilai-nilai Murni	79
4.5	Perbezaan Bagi Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Nilai-nilai Murni Berdasarkan Etnik Melayu, Cina dan India	80
4.6	Perbezaan Bagi Tahap Pengamalan Responden Terhadap Nilai-nilai Murni Berdasarkan Etnik Melayu, Cina dan India	82
4.7	Perkaitan Bagi Pengetahuan dan Pengamalan Responden Terhadap Nilai-nilai Murni	83
4.8	Faktor Keluarga, Agama, Rakan Sebaya, Sekolah dan Media adalah Peramal kepada Pengamalan Responden Terhadap Nilai-nilai Murni	85
4.8.1	Faktor Keluarga	88
4.8.2	Faktor Rakan Sebaya	89
4.8.3	Faktor Agama	91
4.8.4	Faktor Sekolah	93
4.8.5	Faktor Media	94
4.9	Keputusan Pengujian Hipotesis	96
4.10	Kesimpulan	97

5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	98
5.1	Pengenalan	98
5.2	Rumusan	98
5.3	Implikasi Kajian	100
5.4	Cadangan	102
	5.4.1 Penyelidikan Akan Datang	103
	5.4.2 Agensi Yang Berkaitan dan Penggubal Polisi	103
	5.4.3 Masyarakat	106
5.5	Kesimpulan	107
	RUJUKAN	108
	LAMPIRAN	117
A	Borang Soal Selidik	117
B	Soalan FGD	128
C	Profil Informan	129
D	Dapatan SPSS	131
E	Taburan Normaliti	140
F	Surat Kebenaran Pengumpulan Data	141
G	Nilai-nilai Murni 1Malaysia	142
	BIODATA PELAJAR	143
	SENARAI PENERBITAN	144